

Risau tiada sistem perparitan

PADANG TERAP - Penduduk di Peringkat 6, 7 dan 8 Felda Lubuk Merbau dekat sini merayu pihak bertanggungjawab supaya membina sistem perparitan di hadapan kediaman mereka bagi mengatasi masalah banjir.

Penduduk mendakwa, setiap kali hujan lebat, air akan melimpahi jalan raya lalu masuk ke dalam rumah menyebabkan mereka terpaksa membersihkannya selepas air surut.

Seorang penduduk, Mahmud Ayob, 65, berkata, penduduk di Peringkat 6, 7 dan 8 hairan kerana di kawasan lain, pihak bertanggungjawab membina sistem perparitan sejak 2008 lagi.

Menurutnya, namun pembinaan sistem perparitan ini terputus apabila sampai di kawasan mereka di situ.

"Penduduk lama menunggu tetapi belum ada sebarang kerja membina dilakukan.

"Perkara ini menyebabkan air hujan selalu melimpah masuk ke dalam rumah yang berdekatan dengan jalan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagi rakannya, Shuib Darus, 66, pihak bertanggungjawab perlu mengatasi masalah ini kerana setiap kali hujan, air akan melimpah di jalan raya dan ini menyebabkan sukar untuk pengguna motosikal dan basikal untuk melaluinya.

"Bagi mengatasi masalah ini terdapat beberapa penduduk terpaksa mengorek sendiri dengan mengupah jentera pengorek membuat sistem perparitan di hadapan rumah mereka," katanya.



Mahmud (kiri) menunjuk ketiadaan sistem perparitan bagi mengatasi masalah banjir.